

# Lahir usahawan berdaya saing

Latihan, bimbingan usahawan dalam bidang hortikultur diharap tingkat daya kreativiti, inovasi usahawan: Uggah

**KUCHING:** Program latihan dan bimbingan usahawan dalam bidang hortikultur diharap mampumeningkatkan daya kreativiti dan inovasi usahawan untuk terus berdaya saing seiring dengan perkembangan semasa.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Douglas Uggah Embas dalam ucapannya berkata, menerusi program seumpama itu, pelbagai agenda pembangunan modal insandapat dicapai dengan baik khususnya di peringkat nasional.

"Misalnya, bidang hortikultur adalah satu bidang baru dan berpotensi untuk diperkembang serta dikomersialkan secara meluas," katanya menerusi teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Penyelidikan dan Pengajian Tropika (FRIM) Kuala Lumpur, Dr Abdul Rashid Malik semalam.

Menurut beliau, perubahan iklim dan cuaca yang tidak menentu menyerlahkan lagi bidang hortikultur dan landskap yang dilihat sebagai satu daripada usaha positif.

Tambah beliau ia bagi melestarikan kehijauan kawasan perbandaran dan kediaman.

"Dengan ini kita berharap peserta yang dilatih khusus dalam bidang berkenaan, dapat memberi sumbangan dalam memastikan aktiviti ini dirancang dan disusun sebaik mungkin bagi kepentingan bersama," ujar beliau.

Douglas menjelaskan, bidang hortikultur merupakan salah satu daripada latihan yang ditawarkan selain daripada kursus landskap dan penyelenggaraan pokok, kursus tapak samaian komersial, kursus teknologi herba dan teknologi pembangunan herba.

Manakala menerusi kursus teknologi dan pembangunan herba kata beliau, para peserta akan didedahkan kepada teori asas dan proses teknikal serta amali dalam bidang pembangunan produk herba.

"Peserta akan didedahkan terhadap kepelbagaian biologi yang ada di dalam hutan kita yang masih belum diteroka serta



**PENGHARGAAN:** Wan Rahmah menyampaikan cenderamata kepada Abdul Rashid (wakil Douglas) sebagai penghargaan dan disaksikan oleh Kamaruzzaman.

“Misalnya, bidang hortikultur adalah satu bidang baru dan berpotensi untuk diperkembang serta dikomersialkan secara meluas.”

**Datuk Douglas Uggah Embas**  
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

boleh dimanfaatkan," katanya.

Beliau menaruh harapan agar menerusi kursus tersebut, banyak lagi rahsia warisan bumi yang dapat diteroka, dikaji dan dibangunkan untuk manfaat bersama semua golongan.

"Saya juga berharap program latihan seumpama ini tidak hanya dianjurkan sebagai platform melatih para usahawan untuk meraih keuntungan semata-mata tetapi memastikan sumber warisan alam kita akan terus dipelihara," kata Douglas.

Program latihan dan bimbingan usahawan anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang dilaksanakan oleh FRIM.

Sementara itu dalam ucapannya, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Wan Rahmah Wan A. Raof berkata,

sejak program latihan dan bimbingan ditubuhkan empat tahun lalu, sehingga 2008 lebih 470 usahawan berjaya dilatih.

"Mereka dilatih melalui kursus tapak samaian, landskap dan penyelenggaraan pokok, pembangunan produk herba dan pembangunan teknologi herba," kata beliau yang turut mewakili Ketua Pengarah FRIM Dato' Dr Abdul Latif Mohmod. Beliau berkata, industri asatani tidak harus dipinggirkan tetapi sebaliknya diusahakan agar ia mampu menjana ekonomi negara.

"Kita harus bersyukur kerana kerajaan perihatin dan berpendirian tegas terhadap hala tuju sektor industri luar bandar di samping menghargai peranan usahawan desa dan potensinya bagi menjana ekonomi negara," katanya. Menurutnya, dalam sektor

pertanian luar bandar antara faktor yang menjadi masalah kepada pembangunannya adalah tiada kerjasama erat daripada pelbagai pihak.

"Justeru, rangkaian kerjasama daripada pelbagai pihak amat diperlukan bagi memastikan program golongan tani berjaya.

"Ia merupakan tanggungjawab besar membantu kerajaan mencapai matlamat membangunkan golongan petaniluar bandar dan usahawan kecil khususnya," jelas Wan Rahmah.

FRIM kata beliau, merupakan sebuah institusi unggul yang berkhidmat selama 24 tahun dan banyak menghasilkan ilmu serta inovasi baru dalam sektor perkayuan dan pertanian yang boleh dimanfaatkan kepada pelbagai golongan masyarakat.

Wan Rahmah juga menjelaskan program berkenaan adalah yang pertama diadakan di Sarawak pada tahun ini kerana sebelumnya ia diadakan di Kuala Lumpur pada 2006 dan 2007 dan di Kota Kinabalu, Sabah pada 2008.

Hadir sama Setiausaha Bahagian Ekonomi Desa Kementerian KKLW Kamaruzzaman Umar.